



SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2019



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

5226/2

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2 / Set 1

2 ½ jam

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
3. Kesemua **lima** soalan yang mesti dijawab.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-masa soalan berikutnya.

1. (a) (i) Nyatakan pengertian rasul. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** peranan rasul dalam membimbing kehidupan manusia. [4 markah]
- (iii) Senaraikan empat rasul ulul azmi selain Nabi Muhammad SAW. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **empat** contoh ajaran sesat. [4 markah]
- (ii)
- “Ajaran sesat yang berleluasa dalam masyarakat menyebabkan berlaku keretakan rumahtangga seperti perceraian, sanggup melakukan pembunuhan kerana taksab dengan ajaran mereka”
- Adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas. Berikan **tiga** alasan. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** perkara yang boleh merosakkan akal. [2 markah]
2. (a) (i) Senaraikan **dua** perkara dalam Islam yang umat Islam tidak boleh bertoleransi dengannya. [2 markah]
- “ Azian akan menghadiri majlis makan malam. Rakannya mengajak dia menyewa baju yang seksi. Azian menolak dan memilih baju yang menutup aurat.”
- (ii) Huraikan konsep yang sesuai dengan situasi di atas. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** cara menyelesaikan masalah umat Islam menurut prinsip murunah dalam ibadat. [4 markah]
- (c) Berdasarkan prinsip syumuliyah , terangkan **dua** cara Islam melindungi nyawa. [4 markah]

- (d) (i) Terangkan **dua** prinsip alamiyyah. [4 markah]
- (ii) Berikan **dua** contoh hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam. [2 markah]
- 3 (a) (i) Senaraikan **empat** elemen penting dalam pembentukan negara Islam. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** matlamat negara Islam. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan **dua** etika hakim ketika melaksanakan prosedur kehakiman. [4 markah]
- (ii) Huraikan **dua** peranan kehakiman Islam dalam menjamin keamanan masyarakat majmuk. [4 markah]
- (c)

“ Dahan pokok mangga Encik Ali terjuntai ke dalam pagar jirannya. Buah-buahnya yang gugur sering diambil oleh anak-anak jirannya.”

Apakah yang perlu dilakukan oleh Encik Ali. [4 markah]
- 4 (a) (i) Terangkan **dua** cara membelanjakan harta dalam Islam. [4 markah]
- (ii) Huraikan **dua** kesan memperoleh harta secara haram kepada negara. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** konsep at-Ta'awun dalam sistem muamalah Islam. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** muamalah yang mengamalkan konsep at- Ta'awun dalam transaksi. [4 markah]
- (c)

“Aminah membeli sebuah kereta dengan harga RM70000.00 termasuk keuntungannya, manakala bayaran penuhnya diansurkan selama 60 bulan..”

Apakah jenis muamalat yang digunakan oleh Aminah. Mengapakah jenis muamalah tersebut digunakan. Berikan **tiga** alasan. [4 markah]

- 5 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ijtihad? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** keperluan ijtihad kepada umat Islam. [4 markah]
- (b) (i) Berikan **dua** contoh perkara haram? [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** implikasi pelanggaran hukum haram. [4 markah]
- (c)

“ Ahmad minum segelas arak semasa menghadiri parti sosial tetapi tidak mabuk.”
- (i) Adakah anda bersetuju dengan perbuatan Ahmad. Nyatakan **tiga** alasan. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara perundangan Islam memelihara akal manusia. [4 markah]
- 6 (a) (i) Senaraikan **dua** tanggungjawab anak terhadap ibu bapa. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** keistimewaan institusi kekeluargaan Islam. [4 markah]
- “ Ibadat yang dilakukan tanpa mengikut syariat tidak akan diterima Allah SWT.”
- (b) Berikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** bentuk hukuman bagi kesalahan takzir. [2 markah]
- (d) (i) Senaraikan **empat** perlakuan dalam penyelesaian masalah [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** matlamat penyelesaian masalah terhadap individu. [4 markah]

- 7 (a) (i) Huraikan **dua** cara Islam dapat menyelesaikan masalah kecemerlangan pendidikan melalui akidah. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan penyelesaian isu di atas menurut Islam. [4 markah]
- (b) Terangkan **tiga** bukti Islam mampu menyelesaikan masalah gejala sosial dalam masyarakat. [6 markah]
- (c) “ Seseorang menembak kijang di hutan , tetapi telah tertembak orang dan meninggal dunia.”
- Apakah tindakan yang perlu dikenakan kepada pesalah di atas. [2 markah]
- (d) Terangkan **dua** tanggungjawab suami terhadap isteri. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

YAYASAN
PAHANG